

BAB 2

KERAJAAN JOHOR-RIAU DALAM PEMBANGUNAN POLITIK

PERUNDANGAN DAN PEMBESAR JOHOR

Johor merupakan pusat kuasa politik Melayu tradisional yang mewarisi politik kerajaan Melayu Melaka selepas 1511.¹ Kehebatan Melaka di mata dunia waktu itu, bukan sahaja kerana keupayaannya mengendalikan pelabuhan *entrepot* tetapi juga kebolehan menyusun masyarakat pelbagai kaum dengan sistem perundangan sistematik. Dalam masa yang sama Melaka juga terkenal di dunia sebagai pusat penyebaran agama Islam.² Namun Johor bangkit dengan olahan warisan Melaka dengan corak dan gaya tersendiri dan berjaya mengangkat peradaban Melayu.

Kebanyakan negeri-negeri Melayu mewarisi politik atau undang-undang dari kerajaan Melaka.³ Negeri-negeri tersebut melihat Melaka dan seterusnya Johor sebagai model unggul bagi menyusun dan mengemaskini corak pentadbiran negeri. Ini terbukti

¹ L.Y. Andaya, 1975. *The Kingdom of Johore 1641-1728: Economic and Developments*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 20-27.

² Hamid Abdullah "Melaka sebagai Lambang Keagungan Nusantara: Pandangan dari Luar Tanah Melayu" dalam Abdul Latif Abu Bakar, (ed.), 1984. *Sejarah di Selat Melaka*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, hlm. 1 & 2; Shafie Abu Bakar "Melaka sebagai Lambang Keagungan Bangsa Melayu" *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 13-27; Wang Gung Wu, 1964. "The Opening of Relation Between China and Melaka, 1405-5", *Malayan and Indonesian Studies*, John Bastin dan R. Roolvink, (ed.). Great Britain: Oxford University Press, hlm. 100; Yahya Abu Bakar, 1982. "Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya", *Jurnal Sejarah Melaka*, bilangan 7, hlm. 10.

³ Hussin Mohamed, 1993. "Manifestasi Kosmologi Dalam Bidang Politik: Dengan Merujuk Ke Atas Politik Melayu", *Seminar Kosmologi Dalam Pengajian Melayu*. 24-26 Januari. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 8.

apabila negeri Perak, pahang, Kedah, Pontianak dan Brunei turut menerima pengaruh sistem pentadbiran dan undang-undang dari Melaka.⁴

Dalam bidang perundangan misalnya *Hukum Kanun Melaka* (HKM) merupakan teks yang terpenting dan menjadi prototaip kepada beberapa buah undang-undang negeri lain termasuk Johor. Sungguhpun teks ini tidak dapat mewakili semua perundangan Melayu yang lain, tetapi sekurang-kurangnya ia menampakkan sebahagian daripada ciri-ciri perundangan Melayu. Melalui undang-undang tradisi ini juga terbinanya undang-undang yang lebih menyeluruh dan seragam di seluruh negeri Johor. Ini terbukti apabila terbentuknya *Undang-Undang Tubuh Johor* yang diisytiharkan pada 1895, merupakan satu doktrin menyeluruh yang menetapkan hak dan kepentingan sultan serta pembesar dalam kerajaan. Secara umumnya dapat dikatakan bahawa masyarakat Johor telah sedar betapa pentingnya peraturan dan undang-undang untuk mengatur masyarakat supaya hidup dengan aman.

Perundangan Johor-Riau

Sesebuah masyarakat berperadaban seharusnya ada satu sistem perundangan dan pengurusan masyarakat yang sistematik dan berkesan bagi menjamin keharmonian negara. Oleh itu, undang-undang perlu menentukan peraturan dan batasan peranan bagi menjaga dan mengawal keamanan serta keselesaan sosial. Dari konteks yang lain, ia

⁴ Liaw Yock Fang, 1983. "The Undang-Undang Melaka", *Melaka: The Transformation Of Malay Capital CI400-1980*, Volume1, Kernial Singh Sandhu dan Poul Wheatley, (ed.). Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 180.

membentuk masyarakat yang harmonis.⁵ Seorang sarjana, Mac Gluckman membuat ulasan berdasarkan konsep antropologi; undang-undang itu sebagai satu sistem atau cara untuk menyelesaikan masalah dan konflik masyarakat yang dianggap bertamadun.⁶

Dalam masyarakat tradisional, adat istiadat dan pantang-larang menjadi sebahagian daripada undang-undang. Raja serta pembesar mencipta adat istiadat dan pantang-larang sebagai undang-undang menjadikannya sebagai doktrin bagi menjaga prioriti dan imej golongan berpengaruh serta berkepentingan. Sistem adat mempunyai pertalian rapat dengan masyarakat. Ia sebenarnya membentuk satu sistem nilai dalam masyarakat dan membawa kepada kewujudan satu bentuk peraturan tetap yang bertujuan untuk mengawal perlakuan masyarakat.⁷ Walau bagaimanapun konsep undang-undang dalam zaman tersebut harus ditinjau mengikut ukuran dan pandangan masyarakat pada waktu itu.⁸ Justeru itu, raja atau sultan merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam membuat undang-undang.⁹ KMJ-R mengalami perubahan apabila Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760) menaiki takhta. Bagi menjaga kepentingan suku Bugis ini, YDPM pertama iaitu Daeng Marewah telah mengatur adat istiadat dan pantang-larang sebagai undang-undang kepada rakyat. YDPM telah bertindak bijak dengan mengumpul segala adat dan kanun serta menggubal mengikut fasal tertentu. Hasilnya telah wujud satu bentuk peraturan atau undang-undang bagi mengawal

⁵ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad ke-15 dan Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 198.

⁶ Max Gluckman, 1965. *The Ideas in Barotse Jurisprudence*. New Haven and London, hlm. 17-18.

⁷ Abdullah Zakaria Ghazali, (et.al), 2003. *Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur 1800-1663*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 62.

⁸ Ahmad Ibrahim, 1985. *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 10.

⁹ A.C. Milner, 1985. "Islam And Malay Kingship dalam *Reading On Islam In Southeast Asia*. Institute Of Southeast Asian Studies, hlm. 25.

kehidupan bermasyarakat. Selain itu ia juga bertujuan untuk menentukan perbezaan antara raja dan pembesar serta antara pembesar dengan rakyat, juga perbezaan antara rakyat negeri dengan orang imigran.¹⁰

Salah satu kaedah untuk mengkaji sistem perundangan Johor-Riau ialah dengan membuat analisis karya-karya sejarah bercorak undang-undang yang dihasilkan di Johor. Kerajaan Johor-Riau banyak menghasilkan karya-karya bercorak undang-undang. Berpandukan HKM, disesuaikan dengan keadaan masa dan tempat *Undang-Undang Johor* (UUJ) terhasil.¹¹ Liaw Yock Fang berpendapat bahawa UUJ diambil dari HKM kerana susunan fasalnya hampir sama.¹²

Manuskrip UUJ merupakan salah satu karya penting dalam perundangan di Johor. Teks ini tersimpan di Perpustakaan Nasional, Indonesia (M1 710), mengandungi 66 Fasal. Manakala teks terjemahan T.J Newbold mengandungi 81 Fasal. Mengikut Liaw Yock Fang, teks lain yang mengandungi 66 Fasal ialah Farquhar 1 (RAS.London) dan Singapura 299 (Perpustakaan Universiti Singapura).¹³ Daripada 66 Fasal itu terdapat 22 Fasal mempunyai persamaan dengan HKM. Enam Fasal yang terawal, sama dengan HKM iaitu larangan warna kuning (Fasal 1), bahasa Diraja (Fasal 2), larangan sewaktu raja mangkat (Fasal 3), sepuluh kesalahan dijatuhkan hukum bunuh (Fasal 4), kesalahan

¹⁰ A. Samad Ahmad, (ed.), 1985. *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 41.

¹¹ Mengikut Liaw Yock Fang berpendapat bahawa undang-undang ini dinamakan Undang-Undang Johor kerana bahagian akhir kandungannya terdapat undang-undang yang dibuat di Johor. Liaw Yock Fang, (ed.), 1976. *Undang-Undang Melaka*. The Hague, hlm.3.

¹² Liaw Yock Fang, hlm.13. Winstedt, 1969. *A History Of Classical Malay Literature*. Oxford University Pres, hlm 171. M.B. Hooker, 1970. *Readings In Malay Adat Laws*. Singapore University Press, hlm. 381.

¹³ Abu Hassan Sham, 1997. " Undang-Undang Johor Pra Abad Ke-19" dalam Zainal Abidin Borhan (et.al). *Warisan Persuratan Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor, hlm. 163.

hukum bunuh tanpa setahu raja (Fasal 5), hukuman abdi mengamuk dan hukuman mencuri binatang serta buah-buahan (Fasal 6). Fasal 7 berkaitan hukuman mengganggu anak isteri orang (HKM Fasal 12), manakala Fasal 8,9,10 hal berkaitan abdi dan binatang yang dipinjam sama dengan HKM (Fasal 15). Antara fasal-fasal yang lain; Fasal 11 wang hantaran dalam pertunangan (HKM Fasal 18), Fasal 12 klasifikasi tanah hidup dan tanah mati (HKM Fasal 20), Fasal 15 hukum kerbau dan lembu menanduk orang (HKM Fasal 21), Fasal 16 hukum memerun ladang (HKM 22), Fasal 18 tugas Syahbandar (HKM Fasal 29), Fasal 20 mencuri beramai-ramai (HKM Fasal 11), Fasal 29 menuduh berzinar (HKM Fasal 40), Fasal 46 menakali penghutang (HKM Fasal 44), Fasal 54 hukum mendapat hamba lari (HKM Fasal 44), Fasal 54 hukum mengenai qisas (HKM Fasal 39), Fasal 57 pendakwaan harta (HKM Fasal 32), Fasal 59 hukum bertaruh amanat (HKM Fasal 34), Fasal 62 hukum zina berdasarkan hukum syarak (HKM Fasal 40).¹⁴

Apabila meneliti aspek-aspek yang terdapat dalam UUJ, jelas kepada kita bahawa hampir semua aspek berkaitan kehidupan telah disentuh. Adanya peraturan dan undang-undang seperti ini telah memberikan satu garis panduan untuk sesuatu hukuman atau tindakan terhadap kesalahan. Ini amat sesuai dengan kerajaan Johor-Riau yang mempunyai wilayah yang luas. Justeru itu, tidak mustahil untuk Johor menjadi salah satu pusat peradaban Melayu unggul di rantau ini.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 164-165. Mengikut kajian Abdul Jalil bin Borhan dalam kajiannya menyatakan kandungan Undang-Undang Melaka antara lain meliputi tanggungjawab raja serta pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, hukum di atas kesalahan jenayah dan awam, undang-undang keluarga, masalah ibadat dan muamalat dan yang paling jelas hukum perhumaan. Abdul Jalil Bin Borhan, 1991. "Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Negeri Johor. Rujukan khusus kepada Kerajaan Johor Moden". (Tesis) Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm 109.

Pengaruh UUJ amat kuat sehingga tersebar ke Aceh. Aceh menerima pengaruh UUJ apabila Sultan Alaudin Riayat Syah al-Kahar (1537-1568) menawan Sultan Alauddin Riayat Syah II Johor, putera Sultan Mahmud Syah Melaka. Baginda telah dibawa ke Aceh dan menetap di sana beberapa lama. Pada waktu inilah, menurut *Bustanus-Salatin*, pentadbiran dan perundangan Aceh telah disusun-atur kembali. Mungkin juga pada zaman ini pula UUJ diperkenalkan di Aceh.¹⁵

Karya *Thamarat al-Mahammah* (1859)¹⁶ yang disusun secara sistematik oleh Raja Ali Haji merupakan naskhah tatanegara warisan Johor. Ini kerana ia bukan sahaja membincangkan fungsi kerajaan Johor, tetapi juga fungsi Islam sebagai teras kehidupan berkerajaan. Karya ini, lebih banyak membincangkan fungsi badan perundangan yang ditafsirkan sebagai mahkamah syariah dan penting dalam pemerintahan negara. Sehubungan itu, kod etika hakim dalam menerajui keadilan dan tatacara menjalankan keadilan juga turut dijelaskan dalam naskah ini. Ia juga turut membincangkan soal etika berpolitik dan berkerajaan.¹⁷

¹⁵ Teuku Iskandar, "Pusat Kebudayaan Johor Abad Ke-16-17" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 8. Namun, sukar bagi memastikan apa yang tersirat dalam UUJ. Kemusyikan ini adalah kerana ia tidak berdasarkan kepada satu-satu teks sahaja. Kedua teks-teks *Undang-Undang Johor* atau *Hukum Kanun Johor* adalah teks yang sama, tetapi diberi gelaran yang berlainan. Begitu juga dengan *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-Undang Melaka*. UUJ manuskriptnya tersimpan di Perpustakaan Nasional Indonesia. UUJ dikatakan mula dipraktikkan semasa Sultan Mahmud II hingga Sultan Sulaiman Bin Abdul Jalil Rahmat Shah dan Datuk Bendahara Tun Hassan. Lihat tulisan Abu Hassan Sham, "Undang-Undang Johor Pra Abad Ke-19" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 162.

¹⁶ Naskah ini ditulis oleh Raja Ali Haji setelah beliau menghasilkan beberapa karya lain seperti *Syair Sultan Abdul Muluk* (1846), *Gurindam Dua Belas* (1847), *Bustan al-Katibin* (1851), *Muqqadimah fi Intizam Wazaif al-Muluk* (1844-1857), *Pengetahuan Bahasa* (1858). Semua naskah ini merupakan warisan Riau dan menjadi tinggalan sejarah di Riau.

¹⁷ Pada akhir abad ke-19 iaitu semasa zaman Sultan Abu Bakar undang-undang yang terbentuk lebih jelas dan tersusun seperti *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor*. Lihat Abu Hassan Sham, "Undang-Undang Johor Pra Abad Ke-19" *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 162.

Terdapat beberapa buah lagi naskhah tentang tatanegara dan perundangan, salah satu naskhah itu ialah *Kanun Johor Bahru* (KJB). Kitab ini juga dikenali dengan *Kitab Kanun Undang-Undang Johor* (KUUJ). Naskah ini merupakan naskah tradisional walaupun ia ditemui pada zaman moden. Walau bagaimanapun naskah ini adalah hasil dari penyalinan semula oleh Raja Yahya. *Kanun Undang-Undang Johor* dipercayai dituliskan pada tahun 1872 (1289 hijrah). Secara umumnya pembahagian babnya merangkumi beberapa aspek iaitu pelantikan pegawai keadilan (hakim), fasal-fasal mengenai jenayah, fasal hukum Islam, fasal berkaitan ladang dan ternakan, fasal mengenai undang-undang di pelabuhan dan fasal berkaitan lelaki dan perempuan.¹⁸

Bagi *Undang-Undang Tubuh Johor* 1895 adalah merupakan perlembagaan bertulis pertama Tanah Melayu yang dihasilkan semasa Sultan Abu Bakar. Antara lain kandungannya membincangkan soal perlantikan raja, pembesar negeri-negeri, menteri-menteri serta pegawai-pegawai kerajaan yang ada persamaan di dalam kitab *Thamarat al-Mahammah*, dalam perkara 3, perkara 10 dan perkara 30 *Undang-Undang Tubuh Johor*.¹⁹ Teks Undang-Undang Tubuh Johor 1895 telah dicetak dalam tulisan jawi bertarikh 1895 masihi. Undang-undang ini ditandatagani dan diistiharkan oleh sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar pada 14 September 1895 bersamaan 24 Rabiul Awal 1313 hijrah di Istana Besar Johor Bahru. Perlembagaan ini didraf oleh Dato' Ja'afar dan Dato' Abdul Rahman.²⁰ Kandungan *Undang-Undang Tubuh Johor* merujuk kepada kitab *Thamarat al-*

¹⁸ Lihat Mohd. Yusof Md. Nor “Kanun Johor Bahru: Satu Analisis”, *Warisan Persuratan Johor II*, hlm. 200.

¹⁹ Abdul Jalil Bin Borhan, 1991. “Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Negeri Johor. Rujukan khusus kepada Kerajaan Johor Moden”, hlm. 146.

²⁰ Fauzi Basri, 1983. *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 11. lihat juga Shahnon Hussein, 1950. *Tawarikh Johor*. Johor Bahru: Jabatan Persurutan Guru-Guru Melayu, hlm. 22.

Mahammah karangan Raja Ali Haji. Mengikut Fauzi Basri *Undang-Undang Tubuh Johor* telah mewujudkan konsep pengasingan kuasa atau “separation of power” di antara badan kehakiman dan badan eksekutif dalam kerajaan seperti yang berlaku hari ini.²¹

Pembesar Melayu Johor –Riau

Masyarakat Melayu secara umum ialah masyarakat satu sistem ‘kerajaan’ yang mana sistem ini menetapkan kedudukan tiga golongan utama iaitu golongan raja, pembesar dan rakyat. Raja mempunyai status tertinggi dalam hiraki masyarakat dan amat berperanan dalam semua bidang kehidupan. Golongan lain, berfungsi untuk menyokong raja yang berada di puncak, dengan kedudukan yang tinggi serta bersifat mulia, suci, berdaulat, terhormat dan berkuasa.²²

Dari aspek fungsi dan kredibiliti sultan dalam institusi kesultanan Melaka dan institusi kesultanan Johor sebelum abad ke-18, didapati fungsi mereka amat besar dan menjadi teras kerajaan, mengatasi pembesar mereka. Pembesar pula bertindak sebagai pembantu sultan dalam melaksanakan pentadbiran kerajaan. Fenomena ini sedikit berbeza dengan kedudukan sultan Johor pada abad ke-18. Keutamaan sultan mula menurun dalam pentadbiran kerajaan apabila jawatan baru YDPM wujud.

Mengikut tradisi, kuasa tertinggi dalam sistem politik Johor ialah sultan. Seterusnya diikuti oleh pembesar seperti Bendahara, Temenggung, Laksamana, Raja

²¹ Fauzi Basri, *Ibid.*, Lihat juga Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 288.

²² Lihat ulasan Zainal Kling “Asas Keutuhan Dalam Pemikiran Sosiopolitik Melayu” *Warisan Persuratan Johor*, hlm. 13.

Inderabongsu. Semua pembesar ini tergolong dalam satu istilah iaitu Orang Kaya.²³ Menurut Begbie, semasa Sultan Mahmud III terdapat 8 orang menteri atau pembesar kerajaan tertinggi. Emapt daripadanya berketurunan Melayu antaranya Bendahara (menetap di Pahang), Temenggung (menetap di Johor atau Singapura), Raja Inderabongsu (Penghulu Bendahari) dan Laksamana. Sementara 4 pembesar lagi terdiri kalangan Bugis iaitu YDPM (menetap di Pulau Penyengat), Raja Tua, Datuk Suliyatang dan Datuk Penggawa.²⁴

Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan fungsi dan kedudukan Bendahara di Melaka dan Johor. Dalam sejarah Johor, pernah berlaku Bendahara tidak berkuasa penuh seperti sebelumnya, sebaliknya didominasi oleh Laksamana. Ini berlaku sewaktu Sultan Ibrahim (1677-1685), apabila Bendahara Tun Habib Abdul Majid tidak berperanan, sebaliknya Paduka Raja Laksamana Tun Abdul Jamil lebih berperanan. Tun Abdul Jamil diangkat status dan fungsinya kerana sumbangannya membantu Belanda mengalahkan Portugis di Melaka tahun 1641.²⁵ Dalam sepucuk surat kepada Sultan Abdul Jalil, Gabenor dari Melaka mengingatkan sultan bahawa Laksamana telah berusaha keras untuk keagungan baginda. Laksamana pada waktu itu lebih disayangi pemerintah dari

²³ Dalam kerajaan Melaka, ‘pembesar empat’ merujuk kepada pembesar paling kanan selepas Raja atau Sultan. Namun di Johor, pangilan ‘Orang Kaya’ pula digunakan untuk menggambarkan fungsi yang hampir sama dengan ‘pembesar empat’.

²⁴ P.J Begbie, 1967. *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press, hlm. 286-287.

²⁵ Sejak kejatuhan Melaka di tangan Portugis, peranan dan kuasa Laksamana semakin berpengaruh. Peranannya seperti mencari pusat kerajaan yang strategik, mengatur dan menyekat Portugis, menyatakan negeri-negeri di persisiran Tanah Melayu dan pulau-pulau Sumatera. Laksamana mendapat bantuan Orang Laut. Dalam tahun 1640-an Johor telah membantu Belanda menakluk Melaka, angkatan Johor diketuai oleh Seri Bija Diraja, anak sulung Laksamana. Tun Abdul Jamil memegang jawatan Laksamana pada tahun 1642. Peranan beliau semakin besar kerana bertalian rapat dengan Sultan Abdul Jalil Syah, Johor (1623-1677). Bonda sultan ialah saudara bonda Tun Abdul Jamil. Menurut laporan Portugis, permaisuri itu mempunyai kuasa besar di dalam kerajaan Johor. Lihat C.R. Boxer, 1964. ‘The Achinese Attack on Malacca in 1629, as described in contemporary Portuguese Sources’, in J. Bastin and R. Roolvink, (ed.). *Malayan and Indonesian Studies*. Oxford, hlm. 118. Lihat juga *Malaysia Kita*, hlm. 173.

sebelumnya. Malah dalam aspek pemerintahan negara, Laksamana menjadi penasihat yang paling rapat dengan sultan Johor.²⁶

Semasa Sultan Abdul Jalil Syah III (1623-1677), Jambi pernah mengalahkan Johor pada tahun 1673. Baginda menyerahkan kuasa kepada Laksamana Tun Abdul Jamil membina kembali kekuatan Johor. Laksamana Tun Abdul Jamil memilih Cherang di Pulau Bintan sebagai pusat pentadbirannya. Setelah kekuatan Johor pulih, Laksamana Tun Abdul Jamil berjaya mengalahkan Jambi. Sultan Ibrahim (1677-1685) kemudian menganugerahkan gelaran Paduka Raja²⁷ kepada Laksamana Tun Abdul Jamil. Melalui gelaran ini, kuasa Laksamana dilihat lebih berpengaruh dari Bendahara yang dianggap pemangku raja.

Semasa Sultan Ibrahim, Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil telah diberi kepercayaan untuk menguruskan kerajaan Johor. Kedudukan ini bertambah kukuh apabila anaknya berkahwin dengan Sultan Ibrahim. Konflik ini menimbulkan persaingan di antara Bendahara Tun Habib dengan Laksamana Tun Abdul Jamil. Persaingan ini berakhir dengan pembunuhan Laksamana Tun Abdul Jamil oleh pengikut Bendahara di Terengganu pada tahun 1688.²⁸ Kematian Paduka Raja Laksamana Tun Abdul Jamil mengembalikan kedudukan Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Apabila Bendahara meninggal dunia, anaknya Tun Abdul Jalil mengambil alih jawatan Bendahara. Konflik

²⁶ L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641 1728*, hlm. 81.

²⁷ Gelaran ‘Paduka Raja’ merupakan gelaran paling tinggi anugerah Sultan kepada pemberisinya. Semasa kerajaan Melaka, gelaran ini hanya layak disandang oleh Tun Perak. Namun, di Johor gelaran ‘Paduka Raja’ dianugerahkan kepada Laksamana.

²⁸ Paduka Raja Laksamana Tun Abdul Jamil dikatakan berhasrat untuk menguasai kerajaan Johor. Kuasa yang banyak dan pengaruh yang kuat yang ada pada beliau menyebabkan pembesar dalam kerajaan Johor kurang senang. Beliau telah berundur ke Terengganu namun meninggal pada tahun 1688. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 80.

yang berlaku dalam kerajaan Johor telah memberi kesan kepada keamanan dan kedaulatan Johor. Kesan kepada konflik ini telah merubah struktur pembesar serta fungsinya. Selain itu, tindakan Orang Kaya Megat Seri Rama membunuh Sultan Mahmud II, yang membunuh isterinya ketika sarat mengandung telah mengeruhkan lagi keadaan. Dalam konteks ini, soal daulat dan derhaka yang diwarisi dari Melaka telah dilupakan. Berdasarkan *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Johor Serta Pahang* Bendahara Tun Abdul Jalil terlibat membunuh Megat Seri Rama.²⁹

Selain daripada Raja, Majlis Orang Kaya menjadi sebahagian struktur kuasa di Johor. Pada teorinya Bendahara akan berunding dengan Majlis Orang Kaya bagi menjalankan pemerintah raja atau menetapkan sesuatu perkara. Ketua Menteri juga merujuk kepada majlis ini dalam menjalankan perintah Raja dan tugas-tugas kerajaan. Majlis Orang Kaya terdiri gelaran Datuk Bendahara, Paduka Raja, Tuk Pikrama, Laksamana, Temenggung, Sri Bija Di Raja, Sri Mahawangsa, Paduka Sri Maharaja dan Maharaja Indra Mara Denda.³⁰ Orang Kaya bergantung kepada perdagangan untuk menyara pengikut dan hambanya.

Tidak ada rekod sama ada dari Belanda mahupun Melayu sendiri yang menghuraikan tentang komposisi atau tugas-tugas khusus majlis tersebut. Namun Orang Kaya yang terpenting yang diberi penghormatan untuk menyambut duta Belanda di balai membuktikan mereka itu mungkin merupakan anggota Majlis Orang Kaya. Pada tahun 1710, seramai sepuluh orang anggota Majlis Orang Kaya itu mengiringi Raja Muda ke

²⁹ Lihat *Hikayat Johor dan Pahang*, hlm. 6. Virginia Matheson, (ed.), 1982. *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 44-45.

³⁰ L.Y Andaya, *Kingdom Of Johor*, hlm. 43.

Bengkalis, Batu Bahara, Selangor, dan Linggi. Mereka itu terdiri Sri Nara di Raja, Sri Bija Wangsa, Sri Setia dan Tun Lela Putra. Tidak ada keterangan bagaimana majlis ini dipilih atau hanya orang yang menyandang gelaran tinggi menjadi anggota Majlis.³¹

³¹ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 57

PENGARUH ORANG LAUT DALAM KERAJAAN JOHOR

Peranan Orang Laut (OL) bukan sahaja wujud dalam kerajaan Melaka sahaja tetapi telah wujud sejak dari zaman kerajaan Sriwijaya-Palembang iaitu antara abad ke-7 hingga abad ke 11 lagi.³² Peranan OL berterusan pula dalam kerajaan-kerajaan selepasnya seperti dalam kerajaan Melaka dan Johor. Mereka inilah yang menjadi tunggak kepada angkatan laut kerajaan-kerajaan itu.³³ Kesetiaan OL kepada Kerajaan Melayu Melaka (KMM) tidak pudar walaupun selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis. OL ini mempunyai banyak suku tetapi suku yang paling berkuasa ialah Suku Bintan.³⁴ Dalam konteks politik tempatan, ia berfungsi sebagai ‘balance of power’ (pengimbang) yang berkesan kepada kekuatan golongan Orang Kaya. OL merupakan istilah yang diberikan kepada penduduk pantai dan pulau yang mendiami Kepulauan Riau-Lingga, kumpulan Pulau Tujuh, kepulauan Batam, dan pantai dan pulau-pulau yang berdekatan dengan pantai sebelah Timur Sumatera dan bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu.

Kumpulan OL yang lebih berkuasa dan berwibawa dihubungkan dengan pulau-pulau yang lebih besar, terutama pulau yang terletak pada lokasi laluan perdagangan laut utama. Mereka ini terdiri suku Bintan dari pulau Bintan, Suku Mepar dari pulau Lingga, orang Suku Bulang dari pulau Bulang, dan orang Suku Galang, sebahagian besarnya berasal dari pulau-pulau Galang. Terdapat juga OL di pulau Singapura di bawah ketua mereka Datuk Raja Negara dan Orang Pesukan (Orang Suku Bulo, Bekaka, Kilang,

³² Zainal Abidin Borhan, 1984. “Peranan Orang Laut Di Selat Melaka: Satu Catatan Awal”, hlm. 75.

³³ *Malaysia Kita*. hlm. 167.

³⁴ Zainal Abidin Borhan, “Peranan Orang Laut Di Selat Melaka: Satu Catatan Awal”, hlm. 76.

Timiang, Mnau, dan Pulau Boya) yang semua ini menjadi orang lindungan pemerintah Johor.³⁵

OL ini menjalani kehidupan mereka dengan melakukan rompakan di laut dan mengumpulkan hasil-hasil laut seperti mengutip trepang, mengumpul tumbuhan laut seperti agar-agar dan sagu dan kulit penyu untuk perdagangan dengan China. Mereka juga mengumpulkan hasil-hasil hutan dan membuat tikar kajang untuk perdagangan kepulauan. Berdasarkan cara pekerjaan mereka ini, menjadikan mereka mahir mencari dan mengumpulkan hasil-hasil laut. Mereka amat biasa dengan beting-beting dan batu karang yang merbahaya. Kebolehan mereka belayar dalam sistem monsun banyak membantu mereka untuk mengetahui dengan lebih mendalam sebahagian besar pulau-pulau dan pesisir pantai barat dan timur Semenanjung Tanah Melayu. Hubungan mereka dengan pemerintah berketurunan keluarga diraja Melaka-Johor mungkin telah berlaku sejak lama dahulu.³⁶

Kesetiaan Orang Suku Bintan terhadap keluarga diraja Melaka ini telah bermula sejak kerajaan Maharaja Sriwijaya-Palembang. Parameswara telah berjaya menyatukan OL sehingga kematian zuriat terakhir dinasti purba ini pada 1699. Orang Suku Mepar dari Lingga agak lewat membuat hubungan dengan pemerintah Melaka dan Johor. Suku OL yang lain juga berkhidmat dengan dinasti Melaka-Johor, tetapi bila atau bagaimana

³⁵ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 58.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 59.

mereka menjadi sebahagian daripada kerajaan itu tidak diketahui. Pada abad ke-19, sesetengah dari suku ini masih mengekalkan fungsi mereka di istana Johor.³⁷

Sehingga abad ke ke-17, OL masih lagi menumpukan taat setia mereka kepada keturunan Melaka di Johor ini. Pengaruh mereka dalam kerajaan amat kuat bukan sahaja kerana bilangan mereka yang ramai tetapi juga kerana kepakaran ketenteraan yang ada pada mereka memberi satu kelebihan. Peranan mereka amat berguna terutama untuk mengawal istana dan jalan perdagangan. OL terlibat secara lansung dalam ketenteraan bermula dari Melaka hingga Johor.

Pada tahun 1714, tentera Johor berjumlah 6,500 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 700 orang datangnya dari pulau-pulau berhampiran dan pantai Pahang. Manakala seramai 2,000 orang dari pulau Riau. Seramai 500 orang pula berasal dari Lingga, Muar dan hulu sungai Muar. Manakala dari Bengkalis dan Sungai Siak pula seramai 400 orang. Bagi Rembau dan kawasan pedalamannya berjaya mengumpul seramai 500 orang. Selebihnya lebih kurang 200 orang berasal dari Linggi dan Sungai Ujong yang kebanyakannya orang Minangkabau dan Bugis. Dari tempat-tempat yang disebutkan tadi menunjukkan betapa ramainya bilangan OL yang terlibat dengan kerajaan Johor.³⁸

Selain dari fungsi ketenteraan Pemerintah Johor menyedari akan peranan serta bakat semulajadi OL dalam membantu bidang perdagangan di Johor. OL telah berjaya mengurangkan persaingan antara Johor dengan Belanda. Mereka bertindak menghalang

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*, hlm. 66.

pedagang yang ingin berdagang dengan Belanda, serta memberikan perlindungan kepada kapal pedagang yang ingin berdagang di pelabuhan Johor.³⁹

Terdapat tiga peranan penting mereka di sini, iaitu sebagai pendayung, pejuang dalam angkatan perang dan pengawal di Selat Melaka dan Singapura. Ia menjadi punca kekuatan dan kelemahan dalam kerajaan Johor kerana mereka lah yang menjadi pengikut dan penyokong kuat pemerintah di Johor. Pemerintah Johor amat menghargai bakat OL ini dalam menggalakkan para pedagang datang ke pelabuhan-pelabuhan Johor dalam usaha menyekat pesaing ekonomi iaitu Belanda.⁴⁰ Peranan OL di dalam istana Johor semakin berkurangan apabila mereka percaya bahawa Raja Kecil merupakan keturunan terakhir keturunan Melaka-Johor-Riau yang memiliki daulat. Walaupun ada di kalangan mereka yang memberi taat setia kepada kesultanan Bendahara, tetapi peranan mereka tidak seperti sebelumnya. Rentetan dari itu, ramai OL mengambil keputusan menetap terus di persisiran pantai Johor.⁴¹

Kekuatan pengaruh OL juga dapat dilihat selepas tindakan Raja Kecil membakar kediaman Sultan Abdul Jalil dan kemudian mengumpulkan sejumlah besar harta rampasan untuk dibawa ke Siak. Namun apabila Raja Kecil cuba untuk meninggalkan Johor, beliau ditahan oleh OL yang menentut supaya beliau tidak membawa balik harta rampasan Johor sebagai syarat untuk pulang ke Siak dengan selamat. Melalui peristiwa

³⁹ Zainal Abidin Borhan, "Peranan Orang Laut Di Selat Melaka: Satu Catatan Awal", hlm. 77-78.

⁴⁰ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 67.

⁴¹ Pada abad ke-20 dan ke-21 ini, Jabatan Ehwal Orang Asli, Malaysia menyediakan penempatan bagi suku Orang Seletar di Kampung Bakar Batu di Sungai Sekudai dan kawasan berhampiran dengannya, juga bagi Orang Kanaq di kawasan Tenggara negeri Johor. Lihat Ariffin bin Nopiah, 1979. *A Brief Introduction to the Orang Seletar of the Johor Coast with Special Reference To Kampung Simpang Arang*. Universiti Sains Malaysia,. Lihat juga Omar bin Abdul, 1979. *The Orang Kanaq of Southeastern Johor: A preliminary Ethnography*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

ini dapatlah disimpulkan bahawa peranan OL begitu besar dalam membantu Raja Kecil menakluki Johor. OL yang bergerak dalam kumpulan dan begitu kuat untuk diketepikan pandangannya oleh Raja Kecil dan orang Minangkabau.⁴² Kejayaan Raja Kecil dalam misi politiknya amat bergantung kuat kepada OL. Ini terbukti selepas kemangkatan Sultan Mahmud II tahun 1699, OL bangun mengutuk pembeuhan tersebut. OL begitu bangga dan gembira apabila Raja Kecil muncul yang mendakwa bahawa berketurunan dari kesultanan Melaka. Dengan diketuai oleh Raja Negara Selat Singapura, OL telah memberi taat setia kepada Raja Kecil. Taat setia OL kepada Johor sukar digugat.⁴³

⁴² Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 372-373.

⁴³ *Ibid.*, hlm. 382.

PENGARUH BUGIS DALAM POLITIK MELAYU JOHOR.

Pengaruh Bugis dalam sejarah peradaban kerajaan Johor bermula apabila Opu-Opu Bugis terdiri dari Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Kemasi dan Daeng Menanbum berhijrah ke sebelah barat Kepulauan Melayu. Mereka berhijrah ke rantau ini dengan meninggalkan kerajaan mereka di Luwuk pada awal abad ke-18.⁴⁴ Sultan Sulaiman (1722-1760) telah menggunakan khidmat Bugis ini untuk menaiki takhtanya. Ekoran dari itu, pengaruh Bugis mula bertapak apabila wujudnya satu jawatan baru iaitu YDPM.⁴⁵ YDPM adalah jawatan yang hanya disandang oleh keturunan Bugis.⁴⁶ Bagi Bugis, bertapak secara diplomasi adalah satu langkah yang bijak. Pengaruh Bugis juga bertambah melalui perkahwinan Melayu-Bugis.⁴⁷ Kewujudan empat jawatan penting dalam kerajaan Johor yang disandang oleh kaum Bugis memberi pengaruh kuat kepada Bugis. Antara pembesar Bugis iaitu YDPM (menetap di Pulau Penyengat), Raja Tua, Datuk Suliwatang dan Datuk Penggawa.⁴⁸ Ini menunjukan kerajaan Johor telah menggunakan khidmat Bugis untuk mentadbir negara.⁴⁹

⁴⁴ Muhd. Yusof Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahya, 1988. *Sejarahwan dan Pensejarahan, Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 247

⁴⁵ Arena Wati (ed.), 1973. Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, hlm. 67. Dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* (1984) dicatatkan: ‘Yamtuan Besar jadi seperti perempuan sahaja, jika diberinya makan maka baharu makan ia. Dan Yamtuan Muda jadi seperti laki-laki; dan jika datang satu-satu hal atau apa-apa juga bicara melainkan apa kata Yamtuan Muda’. Lihat Mohd. Yusof Nor (ed.), 1969. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 67.

⁴⁶ Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*. Singapura, hlm. 45.

⁴⁷ Daeng Perani berkahwin dengan Tengku Tengah Johor, puteri Sultan Abdul Jalil. Tengku Mandak, puteri Sultan Johor berkahwin dengan Daeng Chelak. L.Y Andaya, *The Kingdom of Johore 1641-1728*, hlm. 292-293. Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 52-61.

⁴⁸ P.J Begbie, 1967. *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press, hlm. 286-287. Khoo Kay Kim, 1967/68. “Johore In The 19th Century; A Brief Survey”, *Journal of The Historical Society*. Volume VI, hlm. 79

⁴⁹ Mardiana Nordin, 1999. “Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks *Tuhfat al-Nafis*”, hlm. 128.

Pengaruh Bugis yang banyak dalam kerajaan telah mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu di Johor.⁵⁰ Pengaruh dan kuasa Bendahara mula beralih tangan kepada YDPM yang dikatakan mempunyai kuasa veto.⁵¹ Malah kuasa membuat keputusan penting bagi kerajaan Johor sudah beralih ke tangan Bugis dan tidak lagi Menteri-menteri Melayu yang kanan dan jemaah Orang Kaya. Hal ini tidak berlaku bagi pengganti Sultan Abdul Jalil. Sultan Ahmad menaiki takhta menggantikan Sultan Abdul Jalil yang mangkat pada tahun 1761, adalah atas nasihat YDPM. Begitu juga apabila Sultan Mahmud III mangkat pada tahun 1812 di Lingga, Tengku Abdul Rahman Putera Muda Sultan Mahmud, menjadi pilihan YDPM pada waktu itu iaitu Raja Jaafar. Malah dinasti Bendahara yang memerintah Johor tidak lagi bergantung kepada kekuatan OL tetapi kekuatan tentera, taktik politik dan kemahiran ekonomi orang Bugis.⁵²

Pada tahun 1784 perang antara Bugis dan Belanda meletus di Teluk Ketapang, Melaka. Laksamana Belanda bernama Jacob Van Braam berjaya menewaskan pihak Bugis yang dipimpin oleh Raja Haji. Kekalahan keluarga Bugis di tangan Belanda pada tahun 1784, memberi kesan kepada pola dan perkembangan sejarah Alam Melayu. Selepas tahun ini semua pembesar Bugis dan pengikutnya telah diusir keluar dari Riau oleh Belanda. Selepas kematian Raja Haji, Sultan Mahmud telah menabalkan Raja Ali sebagai YDPM Johor ke lima pada tahun 1755. Pada masa ini pengaruh dan kekuasaan Bugis lemah. Justeru itu, perlantikan tersebut diharapkan dapat mengembalikan maruah

⁵⁰ Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, hlm. 458.

⁵¹ Vito bermaksud menampik, menolak, membatalkan (keputusan), tidak mahu menerima, tidak membenarkan. Zainal Abidin bin Safarwan (Penyusun), 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu: Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 2164. Dalam konteks ini, pengaruh YDPM amat kuat dan akan memutuskan sesuatu perkara sebelum dilaksanakan.

⁵² L.Y Andaya, *The Kingdom of Johore 1641-1728*, hlm. 322.

Bugis.⁵³ Ini kerana Belanda pada masa itu tidak mengakui kekuasaan YDPM di Johor. Malah tindakan Belanda meletakkan seorang residen bernama David Ruhde di Johor mulai Jun 1785,⁵⁴ telah menandakan fungsi YDPM semakin lemah dan mengukuhkan kedudukan Belanda. Situasi ini telah memberi corak, taraf dan kuasa yang terhad kepada politik Bugis dan Melayu Johor-Riau berbanding sebelum ini.⁵⁵

Seramai sepuluh orang tokoh bangsawan Melayu-Bugis yang menjawat jawatan YDPM bermula tahun 1720-an hingga ke penghujung abad ke-19. Kesemua tokoh tersebut mempunyai pertalian rapat dengan Raja Ahmad⁵⁶ dan Raja Ali Haji yang banyak memberi sumbangan dalam penulisan kepada kerajaan Johor. Walau bagaimanapun, pengaruh Bugis dalam politik Johor telah meninggalkan kesan kepada golongan baru yang wujud melalui hasil perkahwinan dengan keluarga Melayu. Golongan inilah yang menjadi penduduk tetap di Johor dan di Riau selepas kerajaan ini runtuh.

Selain daripada jawatan YDPM Johor, terdapat juga beberapa jawatan lain yang menyokong kedudukan YDPM Johor. Antaranya jawatan Raja Tua, Datuk Suliwatang dan Datuk Pengawa. Peranan Raja Tua lebih menonjol berbanding jawatan lain. Daeng

⁵³ Raja Ali YDPM kelima merupakan putera Daeng Kemboja, YDPM ketiga. Lihat *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 184.

⁵⁴ David Rhude adalah residen Belanda ditempatkan di Riau. Beliau tidak disukai oleh Sultan-Sultan Melayu. Lihat R.O. Winstedt, "A History of Johore, 1365-1895", hlm. 66. Mutfi, (et.al), 1977. *Sejarah Riau*. Pekan Baru: Universiti Riau, hlm. 40.

⁵⁵ Pada 10 November 1784 bersamaan 26 Zulhijjah 1198, perjanjian antara pihak Belanda dengan Sultan Mahmud III. Melalui perjanjian ini Riau telah berada di bawah pengaruh Belanda dan perjanjian antara pembesar-pembesar Melayu Johor dan Bugis adalah terbatal. Lihat Mardiana Nordin, "Politik Kerajaan Johor, 17818-1862 : Kajian Berdasarkan Teks Thufat al-Nafis", hlm. 135.

⁵⁶ Raja Ahmad ialah putera bongsu Raja Haji (marhum Teluk Ketapang). Baginda kecil lagi bapanya telah mengkat. Oleh itu beliau dipelihara oleh Raja Jaafar dan dijadikan anak angkat. Raja Ahmad seorang yang berwibawa dan berilmu pengetahuan. Beliau menguasai bidang astronomi. A. Samad Ahmad (ed.), *Kerajaan Johor-Riau*, hlm. 10.

Menampuk merupakan penjawat pertama jawatan Raja Tua. Raja Tua mempunyai pengaruh yang kuat dalam kerajaan. Malah Raja Tua turut terlibat sebagai tunggak angkatan perang Johor. Ini terbukti apabila mangkatnya Raja Tua Daeng Menampuk, YDPM sebagai ketua pentadbir merasakan satu kehilangan yang besar dalam angkatan perang.⁵⁷ Daeng Menampuk meninggal pada 1147 hijrah (1735 M), YDPM telah melantik Tun Abdullah sebagai Raja Tua. Begitu juga semasa Johor diserang Belanda 1784, Raja Tua mengambil alih peranan YDPM. Lebih menarik lagi apabila Raja Tua terlibat secara langsung dengan perjanjian 1784 antara Belanda dan Johor.⁵⁸

Kejayaan Bugis menyingkirkan Raja Kecil dalam kerajaan Johor amat besar ertinya dalam sejarah peradaban Melayu Johor. Ia membolehkan kerajaan Johor terus bangkit dan berkembang maju menyusur arus perkembangan semasa. Walaupun Bugis dapat menguasai politik dalam kerajaan Johor, namun mereka gagal menyingkirkan pembesar-pembesar Melayu yang sedia ada. Malah mereka juga memerlukan sokongan dan kepimpinan Melayu sebagai teras berkerajaan.

⁵⁷ Lihat penjelasanya dalam *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 183.

⁵⁸ *Ibid.*

HUBUNGAN POLITIK KERAJAAN JOHOR DENGAN KUASA BARAT.

Kerajaan Johor-Riau pernah menjadi sebuah kuasa yang berpengaruh di rantau ini. Justeru itu, sudah pasti mempunyai pelbagai bangsa, budaya dan agama. Kehadiran pelbagai bangsa dan budaya termasuk dari India (Benggala), Siam (Thailand), Cina dan pedagang serantau terutama dari pulau Jawa, Sulawesi dan pulau Sumatera. Ini memberikan satu kelebihan kepada Johor untuk menjadi pusat kebudayaan serantau. Dalam masa yang sama, hubungan politik dan diplomatik dengan kuasa barat juga berlaku. Antaranya Portugis, Belanda dan British yang akhirnya berjaya menguasai satu persatu kerajaan Melayu di Nusantara.

Kuasa barat telah tiba di Melaka sejak abad ke-15, apabila pelabuhan Melaka menjadi pusat pengumpulan hasil rempah di Asia Tenggara. Melaka sebagai pelabuhan persinggahan, turut menjaga hak dan kepentingan para pedagang di pelabuhannya. Oleh sebab itu, kuasa barat berminat untuk menjalin hubungan dengan Melaka dan ada juga berniat menguasai Melaka. Ini bagi mengaut keuntungan hasil perdagangan rempah di Timur dan Barat. Kuasa barat yang pertama mendokong inspirasi itu ialah Portugis yang berjaya menakluk Melaka pada 1511, ketika kerajaan itu berada di ambang kemerosotan. Selain itu, Belanda dan British turut sama mempunyai minat memiliki Melaka.⁵⁹ Kuasa Barat ini juga bersaing antara mereka untuk menetapkan pengaruh. Justeru itu Johor juga terpaksa bersaing dengan mereka untuk menguasai kawasan perdagangan. Ini terbukti sejak awal pembinaan kerajaan Johor, banyak siri peperangan berlaku antara Johor dengan Portugis. Ancaman Portugis terhadap Johor bukan sahaja dalam bidang politik malah dalam bidang ekonomi. Portugis telah berusaha menghancurkan kepentingan Johor

⁵⁹ Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 6-7

terutama di Pachor, Johor Lama, Bintan, Batu Sawar dan Riau sebagai saingan politik dan ekonomi.⁶⁰

Ada kalanya pula Johor terpaksa berbaik-baik dengan Portugis bagi menyelamatkannya dari serangan Aceh. Ini terbukti pada tahun 1582 orang Portugis membantu sultan Johor mematahkan serangan Aceh. Namun pada tahun 1584 krisis antara mereka kembali tegang. Ini terbukti pada 1586, Johor telah mengepung Melaka dari darat dan laut. Hubungan antara Portugis dan Johor ini sentiasa pasang dan surut sehingga tahun 1641 yang menyaksikan jatuhnya Portugis di Melaka.⁶¹

Seawal abad ke-17, Johor berdepan pula dengan kuasa barat yang baru iaitu kuasa Belanda dan British yang mula bertapak di kepulauan Indonesia. British dan Belanda cuba mengaut keuntungan perdagangan rempah di bahagian Timur. Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur) yang memerintah antara tahun 1597-1615 terus menerus mendapat tentangan dari Portugis di Melaka. Pada tahun 1602, Belanda pula berminat menjalin hubungan dengan Johor.⁶² Wakil Belanda iaitu Laksamana Jacob van Heemskerck telah datang di Batu Sawar, Johor. Deligasi Belanda ini disambut baik oleh adinda Sultan Alauddin iaitu Raja Abdullah. Johor melihat delegasi Belanda ini sebagai satu alternatif, menghapus tekanan Portugis di Melaka.⁶³ Ia juga berharap hubungan dua

⁶⁰ L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 29

⁶¹ D.G.E.HALL, 1981. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 426.

⁶² Bagi memastikan kuasa kerajaan Johor terus berlangsung, Johor bijak membuat persahabatan dengan Belanda. Belanda menawarkan bantuan kepada kerajaan Johor untuk menentang Portugis, Aceh dan juga Patani. Dalam hal ini, Sultan Alauddin Riayat Syah (1597-1613) berpandangan jauh dan meramalkan keuntungan yang akan diperolehi kepada Johor pada masa depan. Keteguhan kuasa Belanda yang kian bertambah di kepulauan Melayu-Indonesia, telah menambahkan keyakinan sultan-sultan Johor akan faedah hasil dari persahabatan itu. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 34.

⁶³ *Ibid.*, hlm. 35.

hala dalam politik ini akan mengukuhkan kedaulatan dan keselamatan Johor seterusnya merancakkan ekonomi Johor. Secara tidak langsung mengurangkan saingan dan kekangan Portugis dalam perdagangan di Semenanjung Tanah Melayu.⁶⁴ Ini membuka ruang kepada Johor mengubal dasar-dasar negara yang lebih kprehensif.

Hubungan diplomatik Belanda-Johor telah mengurangkan Johor dari ancaman Portugis di Melaka. Misalnya apabila Batu Sawar dikepung oleh kapal Portugis, Sultan Alauddin (1528-1564) telah memohon bantuan tentera laut Belanda.⁶⁵ Portugis terpaksa berundur apabila mengetahui Johor telah membuat pakatan dengan Belanda. Selain itu, Sultan Alauddin juga menggunakan Belanda bagi menyekat kemaraan kuasa Aceh ke kawasan-kawasan Johor. Sebagai gantinya, Belanda dibenarkan membina kota dan kubu di perairan Johor terutama di Batu Sawar. Secara tidak langsung dapat meminima kemungkinan serangan dari kuasa luar.⁶⁶

⁶⁴ Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 50.

⁶⁵ Abdul Hadi bin Haji Hasan, 1986. *Sejarah Alam Melayu*. Penggal II. Singapura: M.P.H. Publications Sdn. Bhd., hlm. 210-212. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 15.

⁶⁶ Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 58.

Dalam pada itu, sultan Johor turut membuat persahabatan dengan musuhnya demi *survival* politiknya. Misalnya Sultan Alauddin Muhayat Shah, membuat perjanjian dengan Portugis pada tahun 1615 semata-mata untuk pengukuhan kuasa Johor. Hasil dari persahabatan itu, orang Portugis di Melaka telah membantu Sultan Alauddin menghantar anaknya Raja Bujang menaiki takhta kerajaan Pahang. Persahabatan ini dilihat sebagai helah bagi kestabilan status Johor.⁶⁷

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) (1623-1677), hubungan dengan Belanda masih diteruskan. Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam pada tahun 1636, fokus serangan Johor tertumpu kepada Portugis di Melaka. Keinginan Johor memiliki Melaka amat tinggi. Oleh kerana bencinya kepada Portugis, Sultan Abdul Jalil membuat satu perjanjian dengan Belanda untuk menyerang Melaka pada 1640.⁶⁸ Akhirnya pada 1641, Melaka jatuh ke tangan Belanda dengan bantuan OL dan tentera Johor. Berakhirnya Portugis di Melaka telah mengembalikan keamanan Johor. Ketiadaan ancaman dari Portugis di Melaka telah membuka ruang untuk Johor meluaskan wilayah naungannya sehingga kepulauan Riau-Lingga, Bangkalis, Kampar dan Siak di Sumatera Timur.⁶⁹

Pada zaman Sultan Abdul Jalil Shah III pula, kuasa British bertapak di Johor bermula sebagai kuasa perdagangan. Pada tahun-tahun 1660-an British cuba

⁶⁷ Namun begitu, hubungan baik antara Johor-Portugis telah menimbulkan curiga pada pihak Aceh. Tindakan Sultan Alauddin membuat pakatan dengan Portugis dilihat sebagai mengancam kestabilan Aceh. Ekoran dari itu Aceh bertindak menyerang Johor dan Sultan Alauddin telah dijatuhi hukuman bunuh. Dalam masa yang sama, Aceh turut menyerang Pahang pada tahun 1617. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 65. Kamarudin Ab. Razak, 1998. *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor, hlm. 6.

⁶⁸ D.G.E.HALL, *Sejarah Asia Tenggara*, hlm. 428.

⁶⁹ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, hlm. 49. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 70.

menempatkan pengaruhnya dalam perdagangan di Johor. Namun begitu, kehadiran British tidak disenangi oleh Belanda yang menyedari bahawa British bakal menjadi saingan kepada perdagangan Belanda di rantau ini.⁷⁰ Hubungan diplomatik dengan kuasa barat seperti Belanda dan British telah memberi pengaruh yang kuat kepada pemerintah Johor bukan sahaja dalam bidang politik tetapi juga perdagangan. Keaktifan perdagangan Johor-Riau boleh disamakan dengan Melaka yang sentiasa sibuk dengan pelbagai aktiviti perdagangan. Pada waktu itu keaktifan Melaka sehingga dikenali dengan nama “Pasaraya Timur”.⁷¹

Bagi mengeratkan hubungan dengan kuasa barat, sultan Johor turut melestari hubungan diplomatik pemerintah sebelumnya. Misalnya Sultan Ibrahim Shah (1677-1685) yang memerintah Johor selepas Sultan Abdul Jalil Shah III meneruskan dasar diplomasi yang dibuat sebelum baginda. Baginda membuat kunjungan kehormat ke Betawi pada tahun 1681, bertemu dengan Gabenor Jeneral Belanda. Barang berharga sebagai hadiah turut menjadi sumbangan sebagai tanda persahabatan.⁷²

Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud II juga, dasar diplomatik dengan Belanda di Betawi diteruskan. Pada awal pemerintahannya, baginda mengarahkan Bendahara Tun Habib Abdul Majid membuat perjanjian persahabatan dengan Belanda. Melalui perjanjian inilah Belanda mendapat keistimewaan bermula dan membina gedung perniagaan di Johor atau mana-mana wilayah naungan Johor. Orang Belanda juga boleh membeli barang Johor dengan murah. Keistimewaan ini tidak diberikan kepada pedagang

⁷⁰ Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 73.

⁷¹ Pengamatan Melalui Lukisan & Diorama Melaka. Perbadanan Muzium Melaka, 1989. hlm. 35.

⁷² Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 81.

dari wilayah lain yang turut sama berdagang di Johor. Ini telah mengukuhkan hubungan dengan Belanda dan membantu Johor membina pelabuhan dan perdagangan antarabangsa.⁷³

Bagi British pula, kehadiran Kaptan Alexander Hamilton wakil British ke istana Johor menghadap Sultan Mahmud II di Kota Johor Lama telah membuka lembaran baru hubungan dua hala. Baginda juga turut menerima hadiah sepucuk pistol sebagai tanda persahabatan. Walaupun selepas Sultan Mahmud II mangkat, hubungan dengan kuasa barat masih lagi berterusan. Konflik takhta dan kemasukan pengaruh Bugis dalam kerajaan Johor tidak menjaskan dasar diplomatik Johor sebelumnya.⁷⁴

Pada era pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760), Daeng Marewah dilantik menjadi YDPM pertama Johor. Semasa Daeng Chelak menjawat jawatan ini, Johor berada di kemuncak kemakmuran. Keadaan negara yang stabil telah menarik ramai diplomat, pedagang luar dan tempatan datang ke Johor. Semasa Daeng Kemboja menjadi YDPM Johor, status Belanda di Johor mula dicurigai orang Bugis yang melihat kepentingan mereka dalam politik dan pentadbiran mula menurun. Belanda tidak menyokong Bugis dalam kerajaan Johor. Rasa kurang senang ini membawa kepada YDPM Daeng Kemboja dari Rembau menyerang Belanda di Melaka. Perselisihan itu tidak berlarutan apabila perjanjian damai telah dibuat antara Belanda dan YDPM Daeng

⁷³ *Ibid.*, hlm. 83.

⁷⁴ Lihat R.O. Winstedt, 1932. "History of Johore 1365-1895" *JMBRAS*, Jil. 10, Bhg. 3, hlm. 50. Aruna Gopinath, 1991. *Pahang 1880-1933: A Political History*, hlm. 17. Berkenaan pembunuhan itu, lihat Abdullah Zakaria Ghazali, 1982. "Sultan Keturunan Melaka di Pahang dan Johor", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 7, hlm. 58-59. Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, *Ibid.*, hlm. 85.

Kemboja pada 1758.⁷⁵ Kenaikan Sultan Mahmud Shah III (1761-1812) juga dari pengaruh kekuasaan YDPM Daeng Kemboja. Oleh kerana sultan masih kecil, segala urusan pentadbiran dipegang oleh YDPM Daeng Kemboja. Setelah YDPM Daeng Kemboja mangkat, Raja Haji telah menjawat jawatan YDPM Johor ke-4. Hubungan Johor-Belanda masih diteruskan, namun hubungan pembesar Melayu dan pembesar Bugis di Johor-Riau-Lingga-Pahang masih dingin.

Krisis antara Bugis dan Belanda muncul kembali apabila Bugis enggan mematuhi larangan Belanda supaya jangan bermiaga bijih timah, candu dan kain secara terbuka kepada pihak British.⁷⁶ Konflik Raja Haji dengan Belanda memuncak lagi apabila muncul isu harta rampasan kapal British *Besty* di Riau.⁷⁷ Belanda dan Perancis telah membahagikan rampasan tersebut tanpa memberitahu kepada Johor. Raja Haji tidak berpuas hati dengan tindakan Belanda tersebut. Apabila tuntutan Raja Haji tidak dilayan oleh Belanda, beliau bertindak menyerang kapal-kapal dan mensabotaj pedagang Belanda di Melaka. Pada 4 Jun 1782 Belanda dari Melaka di bawah pimpinan Toger Abo dan C.P. Winterhijn membawa 1,504 orang tentera dengan sebelas kapal perang telah menyerang Riau tetapi gagal.⁷⁸ Dalam perang yang seterusnya Raja Haji telah meninggal dunia di

⁷⁵ Dalam bulan Disember, Linggi diserang dan Daeng Kemboja menawarkan perdamaian. Dengan itu, Johor menyerahkan Kelang, Rembau dan Linggi kepada V.O.C, dan Bugis berjanji menurut kekuasaan Belanda dan mengakui kedaulatan raja Johor. *Malaysia Kita*, hlm. 184.

⁷⁶ R.O. Winstedt, 1932. "A History of Johore", 1365-1895", *JMBRAS*, Jil. 10, Bhg. 1, hlm. 62.

⁷⁷ Kapal Kompeni British ini berlabuh pada 1782 di perairan Riau berhampiran Pulau Bayan. Kapal ini membawa candu sebanyak 1,154 buah peti. Kapal ini diketuai oleh Kapten Robert Gddes. Gabenor Belanda di Melaka mengarahkan orang Perancis menyerang dan merampas barang-barang dalam kapal British tersebut dan dibawa ke Betawi. Raja Haji yang cuba mendapatkan bahagiannya mengikut perjanjian dengan Belanda tetapi gagal. Ini menimbulkan kemarahan Raja Haji. Buyong bin Adil, 1985. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 104. R.O. Winstedt, 1932. "A History of Johore", 1365-1895", *JMBRAS*, Jil. 10, Bhg. 1, hlm. 62.

⁷⁸ Mardiana bt. Nordin, "Politik Kerajaan Johor, 1718-1862: Kajian Berdasarkan Teks *Tuhfat al-Nafis*", hlm. 154-155. Buyong bin Adil, 1985. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, hlm. 108.

Teluk Ketapang pada 18 Jun 1784, telah mengukuhkan lagi kekuasaan Belanda.⁷⁹ Belanda akhirnya berjaya menawan Riau pada tahun 1784. Hubungan yang sebelum ini lebih berbentuk persahabatan dan perdagangan berubah menjadi seperti naungan. Ini terbukti apabila Belanda bertindak memaksa Sultan Mahmud III menandatangani satu perjanjian pada tahun 1784 yang mana mengakui hak monopoli Belanda ke atas perdagangan di pelabuhan Riau.⁸⁰

Perjanjian ini antara lain menetapkan; satu pasukan tentera akan mengawasi Riau dengan kos ditanggung oleh sultan Johor. Belanda bebas bermiaga dalam kawasan Johor-Riau dan pedagang Johor juga bebas bermiaga di Melaka mengikut peraturan Belanda. Monopoli bijih timah hanya untuk orang Belanda. Kapal-kapal yang melalui perairan Selat Melaka harus mendapat surat kebenaran dari Belanda di Melaka. Orang Eropah selain dari orang Belanda tidak boleh berdagang di Johor. Pedagang Cina masih bebas bermiaga di Riau. Soal pelantikan penganti sultan Johor harus mendapat persetujuan Belanda di Melaka.⁸¹ Tekanan berterusan apabila Sultan Mahmud III, terpaksa menerima Residen Belanda di Riau yang pertama. Bagi mengukuhkan kedudukan Belanda di Riau, Belanda telah menjadikan pelabuhan Riau sebagai pelabuhan bebas bertujuan untuk menarik pedagang luar melabur modal. Ini menjadikan Belanda berkuasa penuh ke atas Riau.

⁷⁹ Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 139. Lihat juga Raja Haji, *Tuhfat al Nafis*, hlm. 200-207.

⁸⁰ Raja Haji, *Tuhfat al Nafis*, hlm. 207.

⁸¹ Buyong bin Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 142. Lihat juga R.O. Winstedt, 1932, "The History of Johore, 1365-1895", hlm. 65. Muchtar Lutfi (et.al.), 1977. *Sejarah Riau*. Pekan Baru: Universitas Riau Pekan Baru, hlm. 232-234.

British berjaya menempatkan pengaruhnya selepas Sultan Mahmud III mangkat pada tahun 1812⁸² yang meninggalkan dua putera iaitu Tengku Husin (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman. Tengku Abdul Rahman menaiki takhta Johor dengan gelaran Sultan Abdul Rahman I dan menjadikan Lingga sebagai pusat pentadbirannya. Perlantikan Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan mendapat sokongan kuat YDPM Raja Jaafar. Tengku Husin tidak dilantik sebagai pewaris takhta kerana ketika itu berada di Pahang kerana mengahwini Che Wan Esah adik kepada Bendahara Tun Ali iaitu Bendahara Pahang.⁸³ Selepas pertabalan ini, YDPM Johor, Raja Jaafar yang menguruskan pentadbiran kerajaan. Kesan dari itu telah wujud pula perselisihan antara keluarga diraja Pahang dengan YDPM Raja Jaafar dan pengikutnya. Bagi Bendahara Tun Ali, Tengku Husin sepatutnya menjawat jawatan tersebut. Sir Stamford Raffles cuba mempengaruhi Temenggung Abdul Rahman supaya Tengku Husin dilantik sebagai Sultan Johor yang sah. Tengku Husin tiba di Singapura pada 1819, dan diisyiharkan sebagai sultan Johor dan Singapura. Satu perjanjian telah ditandatagani antara British dan Temenggung Abdul Rahman serta Tegku Husin pada 6 Februari 1819. Dari motifnya, British inginkan pulau Singapura.

Selepas tahun 1824, hubungan Johor dan Riau semakin jauh kerana pembahagian kawasan di bawah dua pengaruh kuasa yang berbeza. Johor dan Riau telah menjadi dua komuniti politik yang berbeza di bawah kuasa yang mempunyai dasar dan objektif yang berlainan. Riau dan Lingga berada dibawah pengaruh Belanda, manakala Johor dan Singapura pula berada di bawah pengaruh British. Kejayaan Johor-Riau mempertahankan

⁸² Konflik bakal sultan selepas kemangkatan Sultan Mahmud Syah 1812 , lihat P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 274.

⁸³ Lihat Bab satu, hlm. 25.

sebuah kerajaan Melayu berperadaban amat dikagumi. Walau bagaimanapun kerajaan Johor yang wujud sekian lama akhirnya terpaksa akur dengan kuasa imprealisme barat. Namun peradaban Melayu Johor masih utuh dan kekal hingga hari ini. Negeri Johor hari ini masih berbangga dengan peradaban lama yang masih wujud hingga kini.

KESIMPULAN

Kejayaan Johor mengatasi konflik dalaman dan tekanan kuasa luar merupakan suatu kebanggaan bagi bangsa Melayu. Malah bangsa Melayu lebih berterima kasih kepada Johor kerana berjaya mengekalkan warisan Melayu sejak dari Melaka. Gabungan komuniti Melayu-Bugis di Johor telah memberi satu kekuatan kepada Johor untuk terus muncul sebagai satu kerajaan berdaulat dan disegani oleh kuasa luar termasuk kuasa barat. Peranan OL juga tidak boleh diperkecilkan. Kesetiaan OL kepada keturunan Melaka tidak pudar walaupun selepas Melaka dikalahkan oleh Portugis. Dalam konteks politik tempatan, ia berfungsi sebagai ‘balance of power’ (pengimbang) yang berkesan kepada kekuatan golongan Orang Kaya.

Dari perspektif hubungan diplomatik, Johor dilihat sebagai matang dan berdedikasi dalam merangka hubungan dua hala. Kuasa Belanda dan British pada peringkat awal menjadikan Johor sebagai sahabat dan rakan dagangan. Namun begitu, hubungan ini mempunyai agenda tersendiri sama ada dari pihak Johor maupun kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan British. Walau bagaimanapun, tekanan demi tekanan terpaksa ditempuhi oleh kerajaan Johor. Akhirnya Terpaksa akur dengan kuasa barat berjaya menguasai Johor dan wilayahnya.